



04-441 2909



04-441 2924



KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI





SIDANG REDAKSI

Pengerusi

Najmiah Hj Abdullah
Pengarah

Timb. Pengerusi I

Nor Zalina Mohd Yusof
Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Timb. Pengerusi II

Roazam Ahmad
Timbalan Pengarah (Akademik)

Editor

Faridah Hanim Abdul Ghani
Pegawai Perhubungan Awam

Jurufoto

Abdul Latif Wan Hassim
Pembantu Pustakawan

Wartawan

DR Reezlin Abd Rahman
Dayang Suhaila Ab Rahim
Nor Baizura Bakar Bakar
Norashikin Abdullah
Nuraini Johari
Hanisah Ahmad
Norli Mat Noh
Norjainah Mohd Yusop
Wan Zunaida Wan Ibrahim
Syazwani Ahmad
Hamidah Kamis
Siti Norziha Kamaludin
Quah Wei Boon
Shaiful Hazmir Shaifuddin
Azreena Aziz
Norzilawati Khalid



Isi Kandungan

Sidang Redaksi.....	2
Isi Kandungan.....	3
Kata Alu-Aluan Pengarah.....	4
Unit Akademik.....	5-43
Unit Pendidikan Berterusan.....	44-52
Unit Peperiksaan & Penilaian.....	53-58
Unit Pengurusan Sistem Kualiti.....	59-66
Unit Penyelidikan & Inovasi.....	66-74
Unit Latihan & Pembangunan Staf.....	75-81
Unit Pembangunan Pelajar.....	82-98
Unit Psikologi & Kerjaya.....	99-105
Unit Sukan & Ko-Kurikulum.....	106-113
Unit Kolaborasi & Hubungan Industri.....	114-117
Unit Keusahawanan.....	118-124
Unit Pengurusan & Maklumat Korporat.....	125-134
Perpustakaan Al-Fateh.....	135-140



KATA ALU-ALUAN

PENGARAH KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI



Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Hormat

Ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga Kolej Komuniti Sungai Petani di atas komitmen pada tahun 2018. Syabas dan tahniah juga buat warga KKSP khususnya sidang redaksi Laporan Tahunan KKSP 2018 yang telah berjaya menerbitkan laporan ini.

Laporan Tahunan ini diharap menjadi medium perkongsian maklumat dan memberikan gambaran tentang pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2018 di Kolej Komuniti Sungai Petani. Pelbagai pertandingan telah disertai oleh pelajar dan pensyarah demi memartabatkan institusi di kedudukannya yang tersendiri. Usaha gigih semua pada tahun 2018 sangat dihargai.

Akhir kata, semoga kejayaan di tahun 2018 akan menjadi lonjakan semangat untuk masa-masa akan datang.

Sekian.

Najmiah Hj Abdullah
Pengarah
Kolej Komuniti Sungai Petani



UNIT AKADEMIK OPERASI PERHOTELAN

MAJLIS SANTAPAN DIRAJA

17 Julai 2018

Pelajar-pelajar Sijil Operasi Perhotelan dari Kolej Komuniti Sungai Petani yang bertugas sebagai *waiter/waitress* dan *culinary assistant* di Majlis Santapan Malam Diraja sempena Ulang Tahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis ke-75.

Aktiviti seumpama ini mampu meningkatkan kemahiran dalam bidang Servis F&B kepada Pelajar Sijil Operasi Perhotelan.



Pelajar-pelajar SOP yang terlibat

SEMINAR BERSAMA ALUMNI KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

5 Ogos 2018

Seminar ini memberi peluang kepada pelajar Sijil Operasi Perhotelan (OP) untuk membuka minda tentang skop tugas apabila mereka keluar bekerja nanti.

Tambah menarik dengan kehadiran Alumni KKSP iaitu Yegananthini Krishnan yang sekarang bertugas sebagai *housekeeping supervisor* di Hotel Kent Avel, Singapura.

Perkongsian pengalaman oleh alumni ini sedikit sebanyak mampu menyuntik motivasi kepada rakan-rakan beliau disini.



Pelajar dan pensyarah bergambar bersama ALUMNI

LAWATAN AKADEMIK KE HOTEL ADYA LANGKAWI

26 & 27 Ogos 2018

Lawatan akademik ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar yang mengambil subjek *Front Office* mendapat gambaran, proses, situasi dan suasana kerja di *Front Office*.

Pelajar juga dapat melihat sendiri bagaimana pekerja di Hotel Adya menguruskan tetamu untuk *check-in* dan *check-out*.

Pelajar juga diberi taklimat oleh Pengurus *Front Office* yang berpengalaman selama 13 tahun dalam bidang *Front Office*.



Pelajar dan pensyarah bersama *Resident Manager*, Hotel Adya

INTERNATIONAL CONFERENCE AND INNOVATION EXHIBITION ON GLOBAL EDUCATION



Nama Pensyarah: Quah Wei Boon

Pencapaian: Pingat Perak

Keterangan: Inovasi Pdp - VIRTEST Plus 3D (Versi 3) - Merangkumi Empat (4) Jenis Bilik Tetamu, Lobi, Kaunter Pejabat Hadapan, Kaunter *Concierge*, Restoran, Fasiliti Seperti Kolam Renang, Taman Permainan Kanak-kanak, Pusat Perniagaan Dan Pusat Permainan.



Anugerah disampaikan oleh Prof Madya Major Dr Hj Yahya Don

PERTANDINGAN INOVASI PENGAJARAN (PIP) 2018

28 & 29 Nov. 2018
UUM

Nama Pensyarah: QUAH WEI BOON

Pencapaian: Pingat Emas

Keterangan Inovasi PdP - VIRTEST plus 3D (Versi 3) - Merangkumi empat (4) jenis bilik tetamu, lobi, kaunter pejabat hadapan, kaunter *concierge*, restoran, fasiliti seperti kolam renang, taman permainan kanak-kanak, pusat perniagaan dan pusat permainan.



Para pemenang bergambar untuk kenangan

ASIA INNOVATION SHOW 2018

27 - 29 Apr. 2018
Gurney Paragon, P.P

Nama Pensyarah: Quah Wei Boon &
Roseline Anak Kok

Pencapaian: Pingat Perak

Keterangan: Inovasi PdP - FOTOKIT
(2 in 1) for Beginners. Inovasi ini
dihasilkan bagi membantu pelajar
dalam proses PdP *Reservation*,
Check-in, *Check-Out* dan *guest billing*.



Bersedia untuk pembentangan kepada panel juri inovasi

4TH INTERNATIONAL INNOVATION, DESIGN AND ARTICULATION (I-IDEA™)

24 - 26 Apr. 2018
UiTM Caw. Perlis

Nama Pensyarah: Quah Wei Boon,
Azreena Aziz & Azizol Duralim

Pencapaian: Pingat Gangsa

Keterangan: Inovasi PdP - Front Office
Simulation Tasks (FOSTs) merupakan
gabungan idea inovasi VIREST plus
3D, FOTOKIT, TASKS Card

Inovasi ini merupakan bagi
mewujudkan situasi alam pekerjaan
sebenar kepada pelajar agar pelajar
dapat melihat dan mempraktikkan teori
secara amali.



Inovasi PdP Front Office Simulation Tasks (FOSTs) di I-IDEA™

MAJLIS PENYERAHAN GERAN PENYELIDIKAN TVET (T-ARGS)

27 Sept. 2018

Majlis menerima Dana Penyelidikan TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS).

Majlis penerimaan geran tersebut tersebut di hadiri oleh Puan Pengarah.



Pengarah menerima Geran Penyelidikan TVET (T-ARGS)

WORLDSKILL MALAYSIA BELIA 2018

BIDANG *RESTAURANT SERVICE*

28 – 30 Sept. 2018

- Pelajar dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang *F&B service*.
- Memberi pendedahan dan pengalaman sebenar dalam sesuatu pertandingan kepada pelajar.
- Tujuan : Pertandingan kelayakan untuk mewakili Malaysia ke *Asean Worldskill* dalam bidang *Restaurant Service*.



Pertandingan "*Flower Arrangement*"

MyCCSKILL 2018 BIDANG RESTAURANT SERVICE



Peserta bergambar kenangan

3 – 5 Sept. 2018
Kolej Komuniti Rompin

- Pelajar dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang *F&B service*.
- Memberi pendedahan dan pengalaman sebenar dalam sesuatu pertandingan kepada pelajar.
- Tujuan : Untuk mengasah kemahiran pelajar dalam bidang *F&B Servis*.

HARI INOVASI & KURSUS PENDEK 2018

KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

Tarikh : 14 Mei 2018

Masa : 8.00 Pagi – 5.00 Petang

Tujuan : Memberi pendedahan kepada pelajar agar berfikir secara kreatif dan inovatif dalam mempelajari subjek *Front Office*



Menerima anugerah Pingat Emas

- Pertandingan ini diadakan sebagai inisiatif menggalakkan pelajar mencari isu yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari subjek *Front Office*.
- SmartClick_FO telah dihasilkan dan telah memperoleh **Pingat Emas dan Tempat Pertama** dalam kategori Perkhidmatan dan Pemasaran Produk & PdP.



UNIT AKADEMIK KULINARI

9th PENANG INTERNATIONAL HALAL EXPO AND CONFERENCE



26 – 28 Jan. 2018
PISA, Pulau Pinang

Seramai 16 orang pelajar telah menyertai Pertandingan Penang International Halal Chef Challenge 2019 bertempat di Pulau Pinang.

Pelbagai kategori telah disertai dengan pencapaian 4 pingat Perak, 6 Pingat Gangsa dan 7 Diploma penyertaan.

DEMONSTRASI PRODUK FAIZA DI MYDIN DAN GIANT



4 Nov & 1 Dis 2018
MYDIN Mall &
Pasaraya Giants

Seramai 3 orang pensyarah Kulinari bersama pelajar telah mengadakan demonstrasi masakan menggunakan produk Faiza bagi menghasilkan produk tempatan.

Dalam masa yang sama pihak kolej dapat mempromosikan kursus Kulinari di KKSP.

PERTANDINGAN PRA-KELAYAKAN WORLDSKILL



21-23 April 2018
UiTM Puncak Alam
& Kolej Komuniti
Kuala Kangsar

Pertandingan Pra-kelayakan Worldskill
(Cooking) di UiTM Puncak Alam dan
(Pastri) di Kolej Komuniti Kuala Kangsar
yang disertai oleh seorang pelajar
Kulinari dan dua orang pelajar Sijil Asas
Pastri (Pendidikan Khas).

PERTANDINGAN MYCCSKILLS (COOKING)



3-9 September 2018
Kolej Komuniti Rompin

Pertandingan Pra-kelayakan Worldskill (Cooking) di Kolej Komuniti Rompin menyaksikan kejayaan pelajar Sijil Kulineri memperolehi pingat Gangsa.

BATTLE OF THE CHEFS 2019



5-7 Oktober 2019
Pulau Pinang

KKSP telah menghantar 12 pelajar menyertai Battle Of The Chefs 2019 bertempat di Pulau Pinang bermula 5-7 Oktober 2018.

Pelajar Berjaya membawa pulang

1 pingat EMAS, 2 Pingat Perak , 2 Pingat Gangsa & 4 Diploma penyertaan.

FUNDRAISING LUNCHEON FOR ABYLIMPICS RUSSIA 2019



10 Disember 2019
UiTM Puncak Alam

Seramai 17 orang pensyarah kulinari telah bersama-sama hadir ke program Fundraising Luncheon for Abylimpics Russia 2019 di UiTM Puncak Alam pada 10 Disember 2019 sebagai tanda memberi sokongan kepada pelajar KKSP iaitu Mohamad Afiq Bin Salleh yang akan bertanding di Rusia nanti.

KURSUS ARTISAN BREAD



28-29 September 2018
Kolej Komuniti Sungai
Petani

KKSP telah menganjurkan kursus Artisan Bread kepada 12 pensyarah Kulinari sebagai ilmu tambahan disamping dapat meningkatkan kemahiran semua pensyarah.



UNIT AKADEMIK PASTRI KHAS

MyCCSKILL(PASTRI)

9 September 2018
Kolej Komuniti Kuala
Kangsar



Tahniah kepada pelajar Sijil Asas Pastri yang telah berjaya dalam pertandingan MyCCSkills 2018 peringkat kebangsaan yang telah berlangsung pada 29 dan 30 Ogos 2018.

Siti Husna Bt Romli dan Hidayah Bt Ismail telah memenangi pingat Emas serta Nornajihah Bt Roslan dan Nurul Asyikin Bt Ramlan telah memenangi pingat Perak.

NATIONAL ABYLIMPICS COMPETITION 2018



29 – 30 Ogos 2018
Kolej Komuniti Selayang

Tahniah kepada pelajar Sijil Asas Pastri,
Mohammad Afiq Salleh yang telah memenangi
JOHAN dalam pertandingan ini.

THE CALIFORNIA CULINARY CHALLENGE 2018

25 Nov. 2018
KDU University College



Tahniah daripada kami, warga KKSP kepada pelajar Mohammad Afiq Salleh atas kejayaan dalam pertandingan *The California Culinary Challenge 2018* di kedudukan top 10 daripada 30 orang peserta.

FUNDRAISING LUNCHEON FOR ABYLIMPICS RUSSIA 2019

10 Dis 2018
UiTM Puncak Alam



Seramai 17 orang pensyarah kulinari telah bersama-sama hadir ke program Fundraising Luncheon for Abylimpics Russia 2019 di UiTM Puncak Alam pada 10 Disember 2019 sebagai tanda memberi sokongan kepada pelajar KKSP iaitu Mohamad Afiq Bin Salleh yang akan bertanding di Rusia nanti.

**UNIT AKADEMIK
TERAPI KECANTIKAN DAN SPA**

ICOMPEX'18

20 – 22 Mac 2018
POLIMAS

Nama Pensyarah : Syakirah Binti Azmi &
Saiidatul Binti Mat Nasir

Pencapaian: Pingat EMAS

Keterangan:

- Facial bandana diinovasikan hasil daripada masalah "headband" asal yang nipis dan kurang selesa.
- Facial bandana dibuat daripada kain batik yang lembut, menarik, selesa dan sangat mudah dipakai dan dicuci.
- Berfungsi menahan rambut dari jatuh menutupi wajah serta mempunyai bantal di bahagian leher bagi memberikan keselesaan kepada pelanggan sewaktu menjalani *facial*.



PERTANDINGAN PRA *WORLD SKILL* MALAYSIA BELIA 2018



27 – 29 Apr. 2018



Peserta yang bertanding

- Peserta Kolej Komuniti Sungai Petani yang mewakili JPPKK Nadia Natasha binti Mohd Nasrul telah terpilih untuk ke peringkat akhir *World Skill* Malaysia Belia 2018
- Tujuan: Memilih peserta yang akan mewakili JPPKK ke peringkat akhir pertandingan *World Skill* Malaysia Belia 2018 dalam bidang *Beauty Therapy*

PERTANDINGAN MYCCSKILL 2018

6 – 8 Julai 2018

- Pertandingan ini melibatkan Kolej Komuniti seluruh Malaysia yang menawarkan bidang Terapi Kecantikan Dan Spa.
- Peserta Kolej komuniti Sungai Petani Nur Syafiqah Binti Shaari telah memenangi tempat ke dua dalam pertandingan dan telah berjaya mewakili JPPKK ke pertandingan peringkat Pra *World skill* 2019 yang akan datang.
- Tujuan: Menonjolkan bakat dan kemahiran yang ada pada pelajar Terapi Kecantikan Dan Spa di seluruh Malaysia.



Nadia Natasha binti Mohd Nasrul terpilih ke peringkat akhir *World Skill* Malaysia Belia 2018

PERTANDINGAN PERINGKAT AKHIR WORLD SKILL MALAYSIA BELIA

27 Sept. – 2 Okt.
2018



Nadia Natasha binti Mohd Nasrul

- Peserta Kolej komuniti Sungai Petani yang mewakili JPPKK Nadia Natasha masih belum berjaya ke peringkat seterusnya memandangkan tiada pemenang dalam bidang *Beauty Therapy* yang mencapai tahap yang diperlukan untuk ke peringkat Asia.
- Tujuan: Memilih peserta yang akan mewakili Malaysia ke peringkat Asia 2019 dalam bidang *Beauty Therapy*.



UNIT AKADEMIK SERVIS KENDERAAN RINGAN

KURSUS TEKNOLOGI KENDERAAN HYBRID & ELEKTRIK TAHAP 1

18 Apr. 2018
Kolej Komuniti Kepala
Batas



Tujuan : Kursus Teknologi Kenderaan Hybrid Dan Elektrik Tahap 1

Impak:

- Pelajar dapat menyelesaikan salah satu topik yang terdapat di dalam kurikulum Sijil Kenderaan Ringan.
- Pelajar dapat menambahkan ilmu tentang kenderaan hybrid dan elektrik.

SPINOVA 2018

29 – 30 Ogos 2018
Kolej Komuniti Sungai
Petani



Nama Pensyarah : Mohd Shahar Bin Harun, Siti Salwa
Bt Ab Samad

Pencapaian : Pingat Perak

Keterangan : Model Pdp Bagi Pengoperasian Aturan
Pembakaran (Firing Order)

1. Model PdP bagi pengoperasian aturan pembakaran (firing order) merupakan produk inovasi bagi tujuan PdP pelajar Automotif.
2. Model ini bertujuan membantu pelajar memahami konsep aturan pembakaran di samping membantu di dalam kelas teori bagi tajuk “Menservis Palam Pancucuh” dan “Penyelenggaraan Sistem Elektrik Enjin”

PERTANDINGAN MyCCSKILLS 2018

27 – 30 Sept. 2018
Kolej Komuniti Bandar
Darulaman



Tujuan : Membina keyakinan dan kemahiran pelajar dalam suasana pertandingan.

Keterangan : Pertandingan MyCCSkill 2018 disertai oleh dua orang pelajar Sijil Servis Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Pelajar KKSP masing-masing mendapat tempat Ke 24 & 25 daripada 30 penyertaan.

PERTANDINGAN BERBASIKAL



Nama Pensyarah : Mohd Azamari Bin Ismail

Keterangan : Aktif menyertai pelbagai kejohanan berbasikal di pelbagai peringkat.

Salah satu pertandingan yang disertai dalam acara berbasikal ialah “ *Sungai Petani Mountain Bike Jamboree*”.



UNIT AKADEMIK PENGAJIAN AM

PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH

3 Mei 2018

Kolej Komuniti Sungai
Petani

Percambahan ilmu bersama
penceramah jemputan.

Selain itu, program seumpama ini juga
dapat mengeratkan silaturahim sesama
warga KKSP, menambahkan ilmu
pengetahuan dan disiplin pelajar dapat
ditingkatkan.



KO-KURIKULUM PETANQUE KPT 1

6 Mei 2018

Kolej Komuniti Sungai
Petani

**Program ini melibatkan pelajar Sijil Asas
Pastri (Pendidikan Khas).**

Program Pelajar ini dapat meningkatkan semangat kesukanan dalam diri pelajar dan mencungkil bakat-bakat baru dalam permainan petanque.



LAWATAN ILMIAH- MERUNGKAI RAHSIA USAHAWAN BERJAYA



Lawatan Ilmiah, Merungkai Rahsia Usahawan Berjaya telah dilaksanakan pada 30 Ogos 2018 (Khamis) bertempat di Teratak Coklat dan Jeruk Madu Pak Ali (HQ), Seberang Jaya, Pulau Pinang





UNIT PENDIDIKAN BERTERUSAN (UPB)

PRESTASI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2018



Jumlah bilangan kursus – **265** kursus



Jumlah bilangan peserta – **4210** orang



Jumlah bilangan peserta lelaki – **1827** orang



Jumlah bilangan peserta perempuan – **2383** orang

LATIHAN KHAS DAN KURSUS PENDEK

01

KEMAHIRAN QUICK WIN JURUGAYA RAMBUT

Kemahiran Quick Win Jurugaya Rambut
Peserta : 15 peserta
Anjuran : KEMAS Negeri Kedah
Tarikh : 3 - 5 Mac 2018

02

KEMAHIRAN QUICK WIN PASTRI

Peserta : 15 peserta
Anjuran : KEMAS Negeri Kedah
Tarikh : 12-14 April 2018
Tempat : Bengkel Pastri KKSP

03

GUBAHAN BUNGA & SENI FLORAL

Peserta : 30 peserta
Anjuran : Jabatan kebajikan Masyarakat
Tarikh : 2 Mei 2018
Tempat : KKSP
Nota : Membantu meningkatkan kemahiran
30 orang peserta dari golongan OKU.

04

LATIHAN KHAS

Kursus : Bahasa Arab, Asas Pertanian,
Asas Selenggara Aircond
Peserta : 60 peserta
Anjuran : Majlis Perbandaran
Sungai Petani
Tarikh : 17-19 September 2018
Tempat : Ulu Legong, Baling

LATIHAN KHAS DAN KURSUS PENDEK

05

PENGHASILAN ROTI

Peserta : 40 peserta
Anjuran : KEDA Bandar Bharu
Tarikh : 14 Julai 2018
Tempat : Bengkel Pastri KKSP

06

PENGHASILAN PRODUK BERASASKAN HASIL TERNAKAN

Peserta : 20 peserta
Anjuran : Jabatan Veterinar Alor Setar
Tarikh : 8 November 2018
Tempat : Dapur Asas KKSP

07

KEUSAHAWANAN ISLAM

Peserta : 6 peserta
Anjuran : KKSP & Sekolah Agama Daris
Tarikh : Julai – November 2018
Tempat : Bengkel Pastri KKSP

08

PROGRAM KHAS PELAJAR

Peserta : 433 peserta
Anjuran : KKSP dan sekolah-sekolah sekitar Daerah Kuala Muda
Tarikh : Oktober & November 2018
Tempat : KKSP

LATIHAN KHAS DAN KURSUS PENDEK

09

PROGRAM SOCIAL PRENEUR

Peserta : 132 peserta
Anjuran : KKSP
Tarikh : 22 April 2018
Tempat : KKSP

10

KURSUS MASAKAN (PEND.KHAS)

Peserta : 20 peserta
Anjuran : SMK Bakar Arang
Tarikh : Oktober & November
Tempat : Dapur & Bengkel Pastri KKSP

11

KURSUS MASAKAN (PEND.KHAS)

Peserta : 20 peserta
Anjuran : SMK Taman Ria
Tarikh : Januari & November
Tempat : Dapur & Bengkel Pastri KKSP

12

KURSUS SALES & MARKETING

Peserta : 301 peserta
Anjuran : Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas Merbok
Tarikh : 26 Mac 2018
Tempat : Dewan Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas Merbok

KOLABORASI STRATEGIK DALAM AKTIVITI KURSUS LATIHAN KHAS BERMODUL PENDAWAIAN ELEKTRIK

Mei – Nov. 2018
SMK Teluk Bayu
Ting. 4 & 5

Impak Program :

Membuka peluang-peluang perkongsian kepakaran, kemudahan, peralatan dan tempat latihan kepada peserta.

Peserta mendapat kemahiran terkini dalam bidang pedawaian elektrik melalui kaedah pembelajaran TVET.

Program ini memberi nilai tambah kepada peserta dalam meningkatkan kemahiran TVET selain bidang akademik.



KOLABORASI STRATEGIK DALAM AKTIVITI KURSUS LATIHAN KHAS BERMODUL PROGRAM PASTRI SESI PERTAMA

Julai – Okt. 2018
Sek. Agama Kedah
Ting. 3, 4 & 5

Impak Program :

Peserta dapat berkongsi kepakaran dan khidmat perunding dari pihak Kolej Komuniti Sungai Petani kepada pihak Sekolah Agama Daris.

Membuka peluang-peluang perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan kepada peserta.

Peserta mendapat kemahiran terkini dalam bidang Pastri melalui kaedah pembelajaran TVET.

Program ini memberi nilai tambah kepada peserta dalam meningkatkan kemahiran TVET selain bidang akademik.



KOLABORASI STRATEGIK DALAM AKTIVITI KURSUS LATIHAN KHAS BERMODUL OPERASI PERHOTELAN SESI PERTAMA

9 – 11 Julai 2018
Majlis Daerah Baling

Impak Program :

Peserta dapat berkongsi kepakaran dan khidmat perunding dari pihak Kolej Komuniti Sungai Petani dengan pihak Majlis Daerah Baling dalam bidang operasi perhotelan.

Membuka peluang-peluang perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan kepada peserta.

Peserta mendapat kemahiran terkini dalam bidang operasi perhotelan melalui kaedah 'hands on'.






UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

BENGKEL PENGGUNAAN MODUL BAHARU ICGPA DALAM iSEMS & SRKP+


KETERANGAN:

- ❖ PNGK Bersepadu (iCGPA) adalah satu sistem atau mekanisme pentaksiran dan pelaporan mengenai peningkatan dan pembangunan bersepadu pelajar dari segi adab (etika dan nilai murni), pengetahuan deklaratif dan fungsional serta kemahiran teknikal mereka dalam bidang disiplin yang diceburi.
- ❖ Pelaporan iCGPA memperlihatkan pencapaian holistik pelajar dan juga pencapaian mereka bagi setiap hasil pembelajaran program di sepanjang tempoh pengajian untuk enam aspirasi yang digariskan dalam PPPM (PT) yang juga terkandung dalam lapan domain hasil pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia.



MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG TAHUN 2018

STATISTIK KEHADIRAN LULUSAN
MAJLIS KONVOKESYEN TAHUN 2018
(KOLEJ KOMUNITI SG PETANI)



4 Ogos 2018
Dewan Tuanku
Permaisuri Hajah
Haminah, UniSHAM





UNIT PENGURUSAN SISTEM KUALITI

LAPORAN KPI INSTITUSI 2018 DALAM SISTEM ePMO

Tahun 2018 merupakan tahun pertama JPKK terlibat secara langsung di dalam pencapaian KPI menggunakan Sistem ePMO.



92 Kolej Komuniti



15 KPI



10 Objektif strategik



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Galeria PJH, Aras 3 - 7, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
Tel: 03-8891 9000
Faks: 03-8891 9300



Ruj. Kami : JPPKK.BGK.300-3/1/3(25)
Tarikh : 18 Februari 2019

PENGARAH KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

UCAPAN TAHNIAH DI ATAS PENCAPAIAN CEMERLANG PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Tahniah diucapkan kepada warga Kolej Komuniti Sungai Petani di atas pencapaian yang **CEMERLANG** bagi pelaksanaan KPI tahun 2018. Berdasarkan pengisian di dalam Sistem ePMO, markah yang diperoleh ialah 92.64%.

3. Bersama-sama ini dikemukakan **Sijil Penghargaan KPI Institusi 2018** Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk perhatian dan makluman pihak tuan. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DATO' TS/DR. MOHD-ISMAIL BIN ABD AZIZ)
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia

PEJABAT PENGARAH KKSP	
DITERIMA PADA	
24 FEB 2019	
PROGRAM	1. KETUA MAJLIS
TDPA	2. KETUA PENGARAH
TDPA	3. KETUA MAJLIS
T.D	4. KETUA MAJLIS

En. Hafizul-Sinapuan
Pn. Hanidah-Mahmud
-Tahnieh

NP
* Pn. Hafizul
Mohd. Faridul
NP

KAEDAH PELAPORAN DAN PENGISIAN DATA

Tempoh pelaporan atau pengisian data untuk KPI di atas terbahagi kepada dua kaedah iaitu secara sukuan tahun(bulanan) dan tahunan.




Skor KKSP
92.64%.

12 daripada 15
KPI dapat dicapai



LAPORAN PENCAPAIAN KPI KKSP 2018

Tahniah...



13

92

TEMPAT KE 13 DALAM CARTA

KOLEJ KOMUNITI

Bertarikh : 2 Jan. 2019



UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

SENARAI INOVASI DAN PENYELIDIKAN PENSYARAH KKSP

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PRODUK	PENSYARAH	PENCAPAIAN
1	Hari Inovasi KKSP 2018	14 Mei 2018	Kksp	Pelbagai Produk Dari Kategori Makanan & Minuman, Terapi Kecantikan & Spa, Pengajaran & Pembelajaran / Perkhidmatan & Pemasaran Produk (Jumlah Penyertaan : 60)	Pensyarah Dari Unit Kulinari, Hospitaliti, Kecantikan Dan Servis Kenderaan Ringan	Kategori Makanan : 2 Emas, 6 Perak, 7 Gangsa Kategori Kecantikan & Spa : 2 Emas, 1 Perak, 3 Gangsa Kategori Perkhidmatan & Pemasaran Produk / P&P : 3 Emas 2 Perak 4 Gangsa
2	Perisa 2018	16-17 Oktober 2018	Kk Segamat	1. E-Padu 2. Chemro Kit 3. Kpt Clik	Pn. Najmiah Abdullah En Roazam Ahmad En Azizol Duralim	Johan Keseluruhan, Johan Kategori 2 Emas, 1 Perak

SENARAI INOVASI DAN PENYELIDIKAN PENSYARAH KKSP

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PRODUK	PENSYARAH	PENCAPAIAN
3	Icompex 2018	20 – 22 Mac 2018	Polimas, Jitra	1. Facial Bandana 2. Manjamalu Multicare 3. Pm Puzzle 4. Magnetic Solving Card	Pn. Syakirah Azmi Pn. Saiidatul Mat Nasir Pn. Nor Faizah Hassan En. Hafizol Abu Hassan Pn. Siti Norziha Kamaludin En. Abd Latif Wan Hassim Pn. Nurul Fathonah Mohd Rosli Ustzh Syarifah Nurul Huda Habib Dzulkarnain Pn. Nuraini Johari En. Quah Wei Boon Pn. Siti Salmah Mohd Pilus	2 Emas 2 Sijil Penyertaan
4	MYSKRIP 2018	11 Oktober 2018	Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka	Serunding Betik Muda & Peria	Pn. Hanisah Ahmad & Pelajar	1 Emas

SENARAI INOVASI DAN PENYELIDIKAN PENSYARAH KKSP

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PRODUK	PENSYARAH	PENCAPAIAN
5	Majlis Penyerahan Dana Penyelidikan Tvet Applied Research Grant Scheme (T-Args) Bersama Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (Jppkk)	27 September 2018	PTSS	Front Office Tasks Simulator: An Innovative Teaching Tool For Hospitality Student	En. Quah Wei Boon Pn. Azreena Aziz Pn. Roseline Anak Kok (Ptss)	Geran RM 50,000
6	K-Novasi Ke-4 2018 Pengajaran Dan Pembelajaran. Pendidikan 4.0: Graduan Kalis Masa Depan	17-18 January 2018.	Dewan Canselor Tun Abdul Razak Dectar Ukm, Bangi, Selangor,	Virtest Plus 3d (Versi 2)	En. Quah Wei Boon	1 Emas

SENARAI INOVASI DAN PENYELIDIKAN PENSYARAH KKSP

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PRODUK	PENSYARAH	PENCAPAIAN
7	International Conference And Innovation Exhibition On Global Education: “Global Education: Perspectives, Innovations, Issues, And Challenges”,	28th - 29th November 2018	Seml, Uum Sintok, Kedah, Malaysia	Virtest Plus 3d (Versi 3)	En. Quah Wei Boon	1 Perak
8	Seminar Penyelidikan Dan Inovasi Kolej Komuniti Sungai Wilayah Utara: Penyelidikan Dan Inovasi Ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tvet Negara (Spinova 2018)	30 Ogos 2018	KKSP	1.Virtest Plus 3d (Versi 3) 2. Manjamalu Multicare Model Pdp Bagi Pengoperasian “Aturan Pembakaran” (Firing Order)	En. Quah Wei Boon Pn. Nor Faizah Hassan En Hafizol Abu Hassan	1 Emas & Tempat Ketiga

SENARAI INOVASI DAN PENYELIDIKAN PENSYARAH KKSP

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PRODUK	PENSYARAH	PENCAPAIAN
9	Pertandingan Inovasi Pengajaran (Pip) 2018: Memupuk Kreativiti Dan Membudaya Inovasi, Universiti	14 Ogos 2018.	Universiti Utara Malaysia	Virtest Plus 3d (Versi 3)	En. Quah Wei Boon	1 Emas
10	Asia Innovation Show 2018,	27 - 29 April 2018.	Gurney Paragon, Penang,	Fotokit (2 In 1) For Beginners	En. Quah Wei Boon & Pn.Roseline Anak Kok (Ptss)	1 Perak
11	4th International Innovation, Design And Articulation (I-Idea™),	24 – 26 April 2018	Dewan Cengal, Uitm Cawangan Perlis,	Front Office Simulation Tasks (Fosts)	En.Quah Wei Boon, Pn.Azreena Aziz, & En. Azizol Duralim	1 Gangsa

I-COMPLEX 18

20 – 22 Mac 2018
Dewan Wawasan

Keterangan:

- ❖ Pensyarah dapat membentangkan kertas kajian yang telah dijalankan
- ❖ Pensyarah dan pelajar dapat menghasilkan produk inovasi dan membentangkan projek inovasi yang telah dihasilkan



- ❖ Manjamalu Multicare
- ❖ Facial Bandana
- ❖ Panduah RPH



HARI INOVASI DAN KURSUS PENDEK KKSP 2018

14 Mei 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani

Keterangan:

- ❖ Pelajar dapat menghasilkan produk inovasi yang memberi impak yang tinggi kepada masyarakat dengan dibantu oleh pensyarah selaku pensyarah pembimbing.
- ❖ Dapat mewujudkan semangat kerjasama berpasukan di antara pelajar dan pensyarah dalam menghasilkan idea inovasi.
- ❖ Dapat mempromosikan kolej melalui program kursus pendek yang dijalankan.



KOLEKSI PENERBITAN UNIT RNI 2017 DAN 2018





UNIT LATIHAN & PEMBANGUNAN STAF

SEMINAR AKADEMIK KKSP 2018

25 – 26 Feb. 2018
Cinta Sayang Resort

Seminar ini diadakan bagi memberikan pendedahan dan perkongsian ilmu dalam penambahbaikan dalam pdp selain menambah pengetahuan dan kemahiran *softskill* pensyarah.



KURSUS KECERDASAN STAF 2018

1 Mac 2018
Bukit H

Aktiviti kecerdasan ini diadakan bagi meningkatkan stamina dan menyihatkan badan selain dapat merapatkan ukhwah dan motivasi staf untuk menjalani gaya hidup sihat.



LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)

12 Mac – 10 Mei 2018
Le Meridien Hotel

Pensyarah Kulinari, Encik Nur Zamahuri Bin Ramly telah menjalani Latihan Sangkutan industri selama kira-kira 3 bulan.

LSI adalah kursus yang baik dalam meningkatkan kemahiran dan pengalaman pensyarah serta dapat meningkatkan kemahiran dan pengalaman dalam bidang kulinari dengan mengikut perkembangan industri yang terkini.



LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)

19 Mac – 20 Apr. 2018
EP Autotech, Pendang

Pensyarah Servis Kenderaan Ringan , Encik Abdul Mu'im bin Abd Rahman telah mengikuti Latihan Sangkutan Industri (LSI).

Melalui LSI beliau mendapat kemahiran dan pengalaman baharu dalam bidang automotif dengan mengikut teknologi yang terkini.



KURSUS JOM SIHAT KKSP 2018



Aktiviti ini adalah inisiatif membudayakan gaya hidup sihat selain dapat menyemarakkan semangat kesukanan dan kerja berpasukan.



RISING TO CHALLENGE

22 Sept. 2018
Dusun Tok Wak, Ulu
Lenggong, Baling

Tujuan utama dilaksanakan aktiviti ini adalah untuk merapatkan ukhuwah dan siratulrahim dalam kalangan staf Kolej Komuniti Sungai Petani.





UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

SUNGAI PETANI AMAZING RACE 2018 (SPAR18)

17 – 19 Ogos 2018
Daerah Merbok

Tujuan utama aktiviti kebudayaan dan sukan berbasikal ini dilaksanakan adalah untuk menguji ketangkasan fizikal dan mental pelajar.

Selain itu, program ini juga mampu menarik minat pelajar dalam aktiviti luar kampus dan membentuk pelajar yang cergas dan sihat, mempunyai semangat jati diri serta tidak mengaku kalah dalam menghadapi sebarang rintangan



PROGRAM TWIST KESIHATAN PERGIGIAN KKSP

11 Okt. 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani

KKSP telah melaksanakan satu program dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Program Kesihatan Pergigian Malaysia telah melantik Doktor Gigi Daerah Kuala Muda untuk melaksanakan ceramah dan maklumat penjagaan kesihatan gigi kepada pelajar.

Dua pelajar KKSP telah dilantik sebagai ikon gigi kksp untuk memberi informasi penjagaan gigi kepada rakan sebaya di kolej.



KEM JATI DIRI JPP 2018

19 – 21 Apr. 2018
Kem PLKN

Program 3 hari 2 malam ini adalah sebagai Pemantapan Kendiri disamping memberi pelbagai memberi nilai tambah dari segi pengetahuan dan jati diri pelajar JPP. supaya dapat membentuk akhlak dan keperibadian yang tinggi

Antara lain, pelajar dapat menambah nilai skil komunikasi, kepimpinan dan semangat kerja berpasukan.



MAJLIS UNTAIAN KASIH JALINAN CEMERLANG 2018

7 Okt. 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani

Program ini diadakan pada setiap tahun memberikan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah.

Matlamat program ini dilaksanakan adalah untuk melahirkan para pelajar yang berjaya secara konsisten dalam prestasi akademik selain dapat membentuk daya saing yang tinggi dalam diri pelajar untuk mencipta kejayaan yang lebih hebat dan seterusnya membentuk warganegara yang berkualiti yang bakal menjadi aset kepada kemajuan negara kita.



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU & MTRANSIS

Ambilan Jun/Dis. 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani

Hari Pendaftaran pelajar baharu ke KKSP dan Minggu orientasi pelajar baharu telah diadakan pada Jun dan Disember 2018.

Sesi suai kenal pelajar baharu telah dilaksanakan bagi merapatkan silaturahim pelajar baharu dengan organisasi KKSP



EXPLORACE PRODUCTIVITI

28 Jan. 2018
Amanjaya Mall

Explorace Productiviti merupakan program anjuran MPC Wilayah Utara yang melibatkan penyertaan dari pelajar dan penduduk Sungai Petani.

Pelajar dapat memupuk semangat berpasukan dengan menyelesaikan setiap cabaran sehingga selesai.

Pelajar KKSP mendapat tempat ke 5 keseluruhan. Hadiah berupa hamper dan wang tunai.



EXPLORACE PRODUCTIVITY
AMANJAYA MALL
28 JANUARI 2018



KIT KEEPING IN TOUCH WITH HIGHER EDUCATION MINISTER

Menteri Pengajian Tinggi menyampaikan mandat revolusi Industri 4.0 yang seiring dengan misi KPT untuk melahirkan graduan TVET yang berkemahiran tinggi untuk negara menghadapi cabaran dimasa kini kepada semua pelajar IPTA di Wilayah Utara pada 13 Mac 2018.



#KIT KEEPING IN TOUCH
@ UUM WITH H.E. MINISTER
13 MAC 2018



SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2018

Sambutan Bulan Kebangsaan 2018 #sayangimalaysiaku sebagai medan menyemarakkan semangat cintakan Negara dalam kalangan warga Kolej Komuniti Sungai Petani secara amnya dan dikalangan pelajar secara khususnya.

Keseluruhannya program ini telah mencapai objektif yang telah digariskan dan ianya menjadi satu platform permulaan bagi program yang akan datang dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pelajar khususnya dan institusi amnya



PEWARIS @ KG. PENGKALAN BATU LINTANG SG. PETANI

Program anjuran Jabatan Penerangan
Kuala Muda, Kedah bersama Kolej
Komuniti Sungai Petani.

Setiap pelajar diberikan keluarga angkat
dan didedahkan dengan aktiviti masyarakat
kampung dan mengikuti aktiviti harian
mereka.



WE CARE WE SERVE

We Care We Serve adalah inisiatif Puan Pengarah bagi menggalakkan pelajar mengambil sarapan pagi sebelum sesi pembelajaran berlangsung.

Diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelajar dengan giliran bertugas setiap hari Selasa.

Sarapan yang diberi kepada pelajar adalah secara PERCUMA.



WE CARE WE SERVE

SETIAP SELASA MINGGU PENGKULIAHAN (7.30 - 8.00 PAGI)



PISPA KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI



Pasukan PISPA Kolej Komuniti Sungai Petani telah memenangi tempat ke-3 peringkat negeri Kedah/Perlis.





UNIT PENGAMBILAN PELAJAR

STATISTIK PENDAFTARAN PELAJAR 2018

BIL	NAMA PROGRAM	MAC 2018						JUMLAH
		SEMESTER						
		1	2	3	4	5	6	
1	Sijil Kulinari	0	49	64	41	40	0	194
2	Sijil Operasi Perhotelan	0	28	46	28	29	0	131
3	Sijil Servis Kenderaan Ringgan	0	18	37	11	12	0	78
4	Sijil Terapi Kecantikan & Spa	0	0	19	17	0	0	36
5	Diploma Terapi Kecantikan	0	19	0	0	25	0	44
6	Sijil Asas Pastri	13	0	0	15	0	0	28
JUMLAH KESELURUHAN		13	114	166	112	106	0	511

STATISTIK PENDAFTARAN PELAJAR 2018

BIL	NAMA PROGRAM	JULAI 2018						JUMLAH
		SEMESTER						
		1	2	3	4	5	6	
1	Sijil Kulinari	63	0	52	60	44	0	219
2	Sijil Operasi Perhotelan	60	0	26	46	29	0	161
3	Sijil Servis Kenderaan Ringgan	40	0	18	36	12	0	106
4	Sijil Terapi Kecantikan & Spa	27	0	0	17	17	0	61
5	Diploma Terapi Kecantikan	0	0	19	0	0	24	43
6	Sijil Asas Pastri	0	13		0	0	0	13
JUMLAH KESELURUHAN		190	13	115	159	102	24	603

STATISTIK PENDAFTARAN PELAJAR 2018

BIL	NAMA PROGRAM	NOVEMBER/DISEMBER 2018						JUMLAH
		SEMESTER						
		1	2	3	4	5	6	
1	Sijil Kulinari	60	62	0	54	60	0	236
2	Sijil Operasi Perhotelan	33	56	0	26	46	0	161
3	Sijil Servis Kenderaan Ringgan	10	39	0	16	35	0	100
4	Sijil Terapi Kecantikan & Spa	0	27	0	0	17	0	44
5	Diploma Terapi Kecantikan	24	0	0	19	0	0	43
6	Sijil Asas Pastri	0	0	12	0	0	0	12
JUMLAH KESELURUHAN		127	184	12	115	158	0	596

Tahniah...

JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 6 & 7, Galeria P3H, Jalan P40V
Pentamasa Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8898 7211
Portal Rasmi : www.jpkk.edu.my

Rujukan kami : KPT/JPKK/BPP/850-1/5 (7)
Tarikh : 3 Januari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

SURAT PENGHARGAAN BAGI PRESTASI PENGAMBILAN PELAJAR TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kolej Komuniti Tuan/Puan telah berjaya mencapai sasaran pengambilan pelajar melebihi 80% bagi kemasukan pelajar tahun 2017 seperti diilampiran.

3. Oleh yang demikian, dikesempatan ini pihak jabatan melalui Bahagian Pembangunan Pelajar ingin merakamkan **ucapan tahniah dan terima kasih** di atas kesungguhan dan komitmen yang diberikan bagi menayakan proses pendaftaran pelajar ini.

'A person who feels appreciated will always do more than what is expected'
- Amy Rees Anderson

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(LT. KOL. BERSEKUTU (PA) WAN MOHAMAD NASIR BIN WAN ABDUL RAHMAN)
Pegawai
Bahagian Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

Tahniah kepada semua yang telah berjaya mencapai sasaran pengambilan pelajar tahun 2017.
Po Jannah, masukkan dalam beberapa RSMI KKM.

PENERAJU KOMUNITI BERILMU & BERKEMAHIRAN



UNIT PSIKOLOGI DAN KERJAYA

PROGRAM SEHARI BERSAMA AGENSI (SAHSIAH PELAJAR)



24 Apr. 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani

Program ini dijalankan bagi tujuan

- Pelajar sedar tentang risiko dan pencegahan penyakit HIV dikalangan remaja.
- Pelajar memahami perkembangan psikologi diri mereka sebagai remaja.
- Pelajar diberi maklumat berkaitan bidang pengajian kecantikan dan spa.
- Pelajar mampu membuat perubahan kepada tingkahlaku yang lebih baik.

PROGRAM SEHARI BERSAMA AGENSI (SAHSIAH PELAJAR)




26 Jun 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani



Program ini dijalankan bagi tujuan :

- Membanteras gejala awal penglibatan pelajar dalam kegiatan jenayah dan maksiat.
- Memberi kesedaran kepada pelajar agar menjauhkan diri dengan aktiviti jenayah dan maksiat.
- Melahirkan generasi muda yang bakal memimpin negara dengan memiliki nilai akhlak dan keperibadian mulia yang bebas dari pengaruh negatif.

PROGRAM RICH –RESUME INTERVIEW FOR GRADUATE STUDENT



8 Feb. 2018
Kolej Komuniti
Sungai Petani




Program ini dijalankan bagi tujuan :

- a. Pelajar mendapat maklumat dan panduan berkaitan penulisan resume.
- b. Pelajar diberi pendedahan berkaitan teknik menghadapi sesi temuduga.
- c. Pelajar kolej lebih bersedia menghadapi sesi temuduga bagi perjawatan yang bersesuaian dengan bidang masing-masing.

STATISTIK PELAJAR YANG MENGUNJUNGI UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA

BIL. PELAJAR BULAN	SESI KAUNSELING	PSIKO-PENDIDIKAN/ PROGRAM/ AKTIVITI	UJIAN PSIKOLOGI
JAN - MAC	65	0	93
APRIL - JUN	10	395	190
JULAI - SEPT	3	0	0
OKT - DIS	7	0	21





UNIT SUKAN DAN KO-KURIKULUM

SUKAN MALAYSIA KE-19 (SUKMA XIX)



11 - 22 Sept. 2018
(SUKMA XVIII)

Seorang atlet wanita dari Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu Nadia Syuhada Binti Mansor telah dipilih untuk mewakili Kolej Komuniti Sungai Petani dalam Pertandingan Sukan Malaysia Ke-18 (SUKMA XVIII)

Beliau telah memperolehi Pingat Gangsa dalam Silat Regu Puteri di pertandingan ini.

KEJOHANAN SUKAN KOLEJ KOMUNITI 2018



11 - 22 Sept. 2018
(SUKMA XVIII)

Seramai 18 atlet lelaki dan wanita dari Kolej Komuniti Sungai Petani telah dipilih untuk mewakili Kolej Komuniti Kedah / Perlis ke Kejohanan MASKOM bagi sukan futsal, badminton, ten pin bowling dan petanque.

KK Kedah Perlis juga telah memenangi Johan Keseluruhan untuk Kejohanan Sukan Kolej Komuniti Zon 1/2018

KEJOHANAN SILAT TERTUTUP NEGERI KEDAH



11 - 22 Sept. 2018

Seorang atlet wanita dari Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu Nadia Shuhada Binti Mansor telah mewakili Persatuan Silat Kedah untuk bertanding di kejohanan tersebut.

Kejayaan telah berpihak kepada beliau apabila memenangi pingat Perak bagi kategori Regu dan Gangsa bagi kategori Solo Kreatif.

KEJOHANAN SILAT ANTARABANGSA KPM-UTHM 2018 & KEJUARAAN SILAT SENI ASLI TERBUKA EDISI KE-9 2018



30 Okt. - 4 Nov. 2018

Nadia Syuhada Binti Mansor mewakili Pasukan Silat PST Malaysia ke Kejohanan Silat Antarabangsa KPM-UTHM 2018 dan Kejayaan Silat Seni Asli Terbuka Edisi ke-9 2018 dan memenangi Pingat Gangsa bagi Regu Puteri.

1st ASIAN - OCEANIAN BOCCE CHAMPIONSHIP & INTERNATIONAL REFEREE SEMINAR



29 Nov. - 2 Dis. 2018

Pensyarah Kulinaris Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu Puan Aziah Thalaha telah mengikuti "International Referee Seminar" oleh Cbi (Confederazione Boccistica Internazionale).

Beliau turut mewakili Malaysia ke 1st Asian - Oceanian Bocce Championship di New Delhi ,India pada 1 - 4 Disember 2018 dan memenangi Pinat PERAK bagi Kategori Single Women dan GANGSA bagi Kategori Double Women.

SUKAN INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (SUKIPT) 2018



29 Nov. - 2 Dis. 2018
UKM

Sempena Sukan Institut Pendidikan Tinggi (SUKIPT) yang telah diadakan pada 3-9 Februari 2018, dua orang pensyarah dari Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu Encik Quah Wei Boon dan Puan Aziah Thalaha telah dilantik sebagai Pegawai Teknikal atau Arbitre/ Pengadil Petanque oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.



UNIT KOLABORASI DAN HUBUNGAN INDUSTRI

SEMINAR KERJAYA INDUSTRI 4.0 & MAJLIS DIALOG BERSAMA INDUSTRI PERINGKAT WILAYAH UTARA TAHUN 2018



18 Julai 2018
Kolej Komuniti Sungai
Petani



- ❖ Jaringan kerjasama antara pihak kolej dengan industri diperluaskan mengikut bidang masing-masing.
- ❖ Berjaya mengumpulkan pelajar-pelajar dari Kolej Komuniti Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dalam satu program untuk mencapai objektif yang sama.
- ❖ Melibatkan 11 syarikat, 16 Kolej Komuniti dan 5 Kluster.

TAKLIMAT KERJAYA UNTUK BERJAYA BERSAMA JABATAN TENAGA KERJA



8 Okt. 2018
Kolej Komuniti Sungai
Petani



- ❖ Para peserta dapat pendedahan tips temuduga dan etika berpakaian semasa proses permulaan kerjaya.
- ❖ Peserta dapat maklumat terkini tentang pengambilan pekerja mengikut kerjaya masing-masing .
- ❖ Peserta dapat maklumat secara terus daripada industri berkaitan

KARNIVAL KERJAYA 2018

**KARNIVAL
KERJAYA**

**ANJURAN
PEJABAT TENAGA KERJA
SUNGAI PETANI & KOLEJ
KOMUNITI SUNGAI PETANI**

TARIKH :
28 OKTOBER 2018 (AHAD)

MASA :
9.00 PAGI – 4.00 PETANG

TEMPAT :
**KOLEJ KOMUNITI
SUNGAI PETANI**

AMBIL PERHATIAN:
SILA BAWA - KAD PENGENALAN
- SIJIL-SIJIL KELAYAKAN
- RESUME
- BERPAKAIAN SOPAN & KEMAS

**20 MAJIKAN
LEBIH 500
KEKOSONGAN**

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA
HUBUNGI:- 04-4212213



- ❖ Para peserta dapat pendedahan tips temuduga dan etika berpakaian semasa proses permulaan kerjaya.
- ❖ Peserta dapat maklumat terkini tentang pengambilan pekerja mengikut kerjaya masing-masing .
- ❖ Peserta dapat maklumat secara terus daripada industri berkaitan




UNIT KEUSAHAWANAN

PRESTASI 2018

Pembudayaan
Keusahawanan




Kiosk



1734

Orang
peserta



1

Industry On
Campus



JUALAN SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG 2018



3 Ogos 2018

Dewan Tuanku
Permaisuri Hajah
Haminah, UniSHAM

- ❖ Melatih pelajar –pelajar KKSP dan kelab Keusahawanan KKSP dalam jualan Gerai secara besar-besaran.
- ❖ Jualan Perniagaan Pelajar mencapai RM 10,000.00 untuk tiga hari jualan

LAUNCHING INDUSTRY ON CAMPUS-LITE & SWEET CAFE



1 Januari 2018

- ❖ Pembukaan rasmi Cafe di KKSP sebagai salah satu latihan hands on pelajar dalam bidang Operasi Perhotelan dan Kulineri
- ❖ Membudaya, Melatih dan Membimbing pelajar yang meminati dunia usahawan dan perniagaan

KEUSAHAWANAN MERENTASI KURIKULUM



21 Mei – 10 Jun 2018

- ❖ **Jualan produk pelajar kepada pensyarah, pelanggan luar dan masyarakat melalui program Bazar Ramadhan 2018**
- ❖ **Membudaya, Melatih, Memasar produk dan Membimbing dalam perniagaan gerai Jualan Bazar Ramadhan**

MOE ENTREPRENEURIAL AWARDS

Tahniah...



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Galeria PJH, Aras 6, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel : 03-8888 3637
Faks : 03-8888 2111

Ruj. Kami : KPT/JPKK/BHPGA/825/5/1 Jld.17 (90)
Tarikh : 17 DESEMBER 2018

Pengarah
Kolej Komuniti Sungai Petani
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBrs. Dr./ Tuan / Puan,

UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN ATAS PENCAPAIAN
CEMERLANG DALAM MINISTRY OF EDUCATION (MOE)
ENTREPRENEURIAL AWARDS 2018

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan di atas kejayaan institusi YBrs. Dr./ Tuan / Puan sebagai **Most Entrepreneurial Community College dalam Ministry Of Education (MOE) Entrepreneurial Awards 2018**.

3. Sumbangan institusi YBrs. Dr./ Tuan / Puan dalam pembangunan keusahawanan di Kolej Komuniti amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Semoga institusi ini terus cemerlang.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DATO' TS. DR. MOHD ISMAIL BIN ABD AZIZ)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,
Kementerian Pendidikan Malaysia

PEJABAT PENGARAH KKSP DITERIMA PADA	
20 FEB 2019	
PENGARAH (TAMBAH)	☒ UNTUK WAKIL LAIN
LOKA	☒ UNTUK TITIK MASUK DATA

Tahwals!

oiaa
20/2/19



UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT & KORPORAT

SELAMAT PAGI MALAYSIA BERTARIKH 16 MAC 2018



16 Mac 2018

- Demonstrasi kuih Bunga
- Puduk, kuih tradisi masyarakat Melayu di Kedah. KKSP diberi kesempatan oleh RTM untuk membantu Puan Suri dalam siaran langsung Selamat Pagi Malaysia tentang teknik menghasilkan kuih tradisi ini.

KAMPUS UOLS, SINAR HARIAN



7 Mac 2018
m/s 33

Artikel berkaitan pelajar
Shahril Aiman
Mohammad Shahril
Azwar yang merupakan
pelajar Sijil Kulineri di
Kolej Komuniti Sungai
Petani.

Minat mendalam dalam
sukan Futvoli telah
membawa beliau ke
merata pertandingan
dalam dan luar negara.

VARSI, BERITA HARIAN

V52

VARSI
BERITA
bhvarsiti@bh.com.my

KHAMIS, 3 MEI 2018 BIL 431

kerjaya



Ketua mekanik pakar selenggara kenderaan, mesin

memberi arahan kepada mekanik untuk melakukan tugas tertentu serta memiliki kepakaran diagnosis.

"Ketua mekanik juga perlu memiliki kepakaran tinggi dalam sistem kenderaan tertentu, sebagai contoh, mengendalikan bahan api bagi memastikan kenderaan dapat bergerak dengan lancar seperti dihendaki.

"Sehubungan itu, ketua mekanik adalah orang penting dalam pengurusan dan menjalankan operasi sesuatu bengkel," katanya kepada BH Varsi, baru-baru ini.

Sedia berubah
Jika mahu menceburi kerjaya ini, katanya, seseorang itu perlu melalui fasa pertama iaitu sebagai seorang mekanik atau pekerja bengkel biasa.

"Mereka perlu menimba pengalaman sebanyak mungkin bagi mendapatkan kemahiran dalam servis kenderaan ringan dan menguasai kemahiran berkomunikasi untuk menjadi ketua bengkel.

"Kerjaya ini juga menuntut mereka bersedia untuk menerima perubahan dalam bidang automotif kerana setiap tahun, kenderaan yang dihasilkan semakin canggih dan futuristik termasuk peralatan serta servis kenderaan," katanya.

Beliau berkata, jika diperhatikan, model kenderaan yang dipandu di jalan raya semakin canggih seperti kenderaan hibrid yang memerlukan kepakaran baharu, selain kos penyelenggaraannya menggunakan peralatan canggih dan mahal.

Katanya, kerjaya dalam bidang ini mempunyai cabaran tersendiri iaitu perlu bekerja lebih masa dalam menyiapkan kerja mengikut jangka masa yang ditetapkan.

"Bermula dengan minat, seorang ketua mekanik yang berkualiti perlu memiliki kemahiran interpersonal seiring dengan kemahiran teknikal," katanya.

info

Skop kerjaya ketua mekanik

- Pemantauan
- Berupaya membaiki kenderaan mengalami kerosakan utama
- Mampu memberi arahan terbaik kepada mekanik
- Memastikan operasi dan pengurusan bengkel berjalan lancar

Ketua mekanik adalah orang penting dalam pengurusan dan menjalankan operasi sesuatu bengkel

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerjaya ketua mekanik atau mandur memerlukan kemahiran tinggi dalam penyelenggaraan kenderaan, mesin, mengendalikan peralatan dan mampu berkomunikasi dengan baik.

Beliau berkata, tugas ketua mekanik adalah menyelia, memantau dan

bdul Mu'im Abd Rahman

3 Mei 2018
m/s 52

Artikel berkaitan Unit Servis Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Sungai Petani dan peluang kerjaya dalam bidang Servis Kenderaan Ringan.

SEMINAR KERJAYA INDUSTRI 4.0 DALAM KOSMO



2 Ogos 2018
m/s 52

Publisiti dalam akhbar Kosmo berkaitan Seminar Kerjaya Industri 4.0 anjuran Kolej komuniti Wilayah Utara yang diadakan di Kolej Komuniti Sungai Petani

RAKAMAN KHAS PROGRAM TAJAAN LEMBAGA ZAKAT IAITU POKET AKHIRAT



Rakaman oleh TV Al Hijrah bagi program Lembaga Zakat Kedah iaitu Poket Akhirat. Rakaman mendapat kerjasama Kolej Komuniti Sungai Petani yang menceritakan tentang kekentalan pelajar Sijil Kulinari iaitu saudara Ahmad Arham Rahimi bin Sukarno yang kehilangan kaki kanan beliau semasa berusia 17 tahun.

LAWATAN-LAWATAN DARI PIHAK LUAR

13 Sept. 2018

Kolej Komuniti Muar

8 Mac. 2018

Kolej Komuniti Pasir Gudang

27 Sept. 2018

Kolej Komuniti Jempol

12 Nov. 2018

Kolej Komuniti Sabak Bernam

Kolej Komuniti Kota Melaka

LAWATAN



PROGRAM EXPLORACE SAYANGI MALAYSIAKU PERINGKAT DAERAH KUALA MUDA



18 Sept. 2018

Jalinan kerjasama bersama Pejabat Penerangan Daerah Kuala Muda sempena Program Explorace Sayangi Malaysiaku Peringkat Daerah Kuala Muda bertempat di Taman Jubli, Sungai Petani.

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KKSP

Tahniah.



PEJABAT PENERANGAN DAERAH KUALA MUDA
KOMPLEKS KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI
DAN KEBUDAYAAN, KM 6, JALAN KUALA KETIL,
08000 SG. PETANI,
KEDAH DARULAMAN
Tel : 04-4221261 / 04-4212261



Fax : 04-4231621

Ruj. Kami : JP/167/KED/KM.PKPM/166
Tarikh : 12 Ogos 2018
30 Zulkaedah 1439H

Tuan Pengarah,
Kolej Komuniti Sg. Petani
No. 77, Lengkok Cempaka 1
Bandar Amanjaya,
08000 Sg. Petani, Kedah

Tuan,

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, pentadbiran ini dan juga bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Daerah Kuala Muda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak tuan kerana telah memberi komitmen yang tinggi bagi menyempurnakan Program Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Daerah Kuala Muda 2018 dan Sambutan Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018 yang diadakan pada 5 Ogos 2018 (Ahad) di Dataran Menara MPSPK.

3. Jasa dan kerjasama pihak tuan dalam menjayakan program tersebut amatlah dihargai serta diharapkan kerjasama dan sokongan ini akan berterusan di masa hadapan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


ZATUL HANA BINTI WAHAB
b/p Pegawai Penerangan Daerah
Kuala Muda

PEJABAT PENGARAH KKSP	
DITERIMA PADA	
20 AUG 2018	
PENDAPAT	PEJABAT PENERANGAN DAERAH
WAKTU	DAFTAR PENERANGAN
TEMPAT	LOKASI

Tahniah!
y/p: Pn. Fardah Hani
ova
20/8/18

Program sambutan bulan kemerdekaan 2018 telah berlangsung dengan meriah di perkarangan Kolej Komuniti Sungai Petani pada 6 September 2018. Program melibatkan semua warga Kolej Komuniti Sungai Petani dengan kerjasama Pejabat Penerangan Daerah Kuala Muda. Sayangi Malaysiaku



PERPUSTAKAAN AL-FATEH

PERPUSTAKAAN AL-FATEH KKSP

**Perpustakaan
Al-Fateh**

**Penjenamaan
baharu pada
17/7/17**



Unit ini menjadi penyokong dan penggerak kepada aktiviti yang dijalankan di KKSP. Perpustakaan menyediakan sumber bahan-bahan rujukan semasa dan terkini serta kemudahan-kemudahan lain untuk menyokong pendidikan dan pembelajaran kepada warga KKSP. Keluasan ruang perpustakaan boleh menampung sejumlah 80 orang dalam satu sesi pembelajaran. Koleksi yang ada merangkumi bahan monograf, majalah, buletin/jurnal, laporan tahunan, akhbar, keratan akhbar, peta serta CD/DVD ROM. Kemudahan komputer serta WI-FI juga boleh didapati di perpustakaan Al-Fateh.

KOLEKSI SUMBER RUJUKAN

9,867 Buku
Monograf

76
Laporan Tahunan

258 CD / DVD ROM


27 Keratan akhbar

198 Penjilidan Majalah

1,407 Majalah / Jurnal / Buletin

2 Peta

ANALISA PINJAMAN BAGI TAHUN 2018



TERBAIK



SARAPAN PAGI PERCUMA

Sarapan pagi percuma disediakan oleh Unit Perpustakaan Al-Fateh kepada para pelajar KKSP pada setiap hari bekerja. Program ini mendapat sambutan yang baik dikalangan para pelajar.





KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

NO 77 LENGKOK CEMPAKA 1

PUSAT BANDAR AMANJAYA

08000 SUNGAI PETANI

KEDAH

TEL : 04-4413909

FAKS : 04-4412924